

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MAC 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Kerajaan optimis unjuran pertumbuhan ekonomi

Kerajaan optimis unjuran pertumbuhan ekonomi

KUALA LUMPUR — Malaysia kekal optimis mampu mencapai unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) antara 5.5 dan 6.5 peratus yang ditetapkan kerajaan untuk tahun 2022, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Katanya, petunjuk ekonomi terkini memperlihatkan bahawa pertumbuhan negara akan di dorong oleh perdagangan luar yang kukuh dan aliran masuk bersih pelaburan asing, selain peningkatan penggunaan swasta yang lebih berdaya tahan.

"Walaupun ini memberi petanda baik untuk Malaysia terutamanya semasa kita menuju ke arah pembukaan semula sempadan antarabangsa, mungkin terdapat beberapa risiko penolakan yang timbul kesan perang antara Rusia dan Ukraine.

"Ia antaranya melibatkan lonjakan mendadak dalam harga beberapa komoditi seperti gandum, minyak dan jagung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tama pada Sidang Kemuncak Kewangan dan Perbankan Malaysia



MUSTAPA

yang diadakan di sini semalam.

Persidangan sehari anjuran Institut Strategik KSI untuk Asia Pasifik itu turut dihadiri Presidennya, Tan Sri Michael Yeoh dan Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Sementara itu, Mustapa berkata, sektor kewangan perlu

terus memainkan peranan penting dalam agenda kelestarian.

"Bencana banjir baru-baru ini telah menunjukkan betapa Malaysia dan dunia terdedah kepada perubahan iklim, jadi kita perlu mempercepatkan peralihan kepada ekonomi yang lebih hijau," tegasnya.